

HEBAHAN KOPLIT



DUYUFURRAHMAN (صُيُوفُ الرَّحْمَن)

Barisan ALK dan Pengurusan KOPLIT mengucapkan selamat mengerjakan haji kepada semua anggota KOPLIT dan keluarga, ahli HALUAN dan semua muslimin dan muslimat di seluruh negara yang menjadi tetamu Allah pada tahun ini.

Semoga Allah menerima ibadah mereka dan mendapat haji yang mabrur.

ISU SEMASA

- Bicara Pengerusi KOPLIT
- Simpanan Khas KOPLIT (Korban/Flexi)
- Keanggotaan KOPLIT
- Sumbangan Kebajikan
- Program Korban Bersama HALUAN Putrajaya
- Tazkirah
- Duyufurrahman
- Iklan KOPLIT

BICARA PENERUSI KOPLIT



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, KOPLIT kini mengorak langkah setapak lagi dengan pelancaran **HEBAHAN KOPLIT**—wadah komunikasi dwi-bulanan terbaru khusus buat para anggota.

Berbeza dengan **BULETIN KOPLIT** yang bersifat tahunan dan lebih menyeluruh, **HEBAHAN KOPLIT** hadir sebagai medium yang lebih pantas untuk menyampaikan perkembangan semasa dan aktiviti terkini koperasi secara berkala. Kami berharap platform ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh anggota sebagai ruang perkongsian idea dan maklumat demi kemajuan kita bersama.



Setinggi-tinggi penghargaan buat **Puan Che Azizah** serta **Biro Pendidikan dan Kebajikan** atas dedikasi luar biasa dalam merealisasikan penerbitan ini.

Semoga usaha ini diberkati Allah SWT dan terus memacu kecemerlangan KOPLIT.

Sekian, Wassalam.

SIMPANAN KHAS KOPLIT (KORBAN/FLEXI)

KOPLIT telah melancarkan tabung simpanan korban dan tabung simpanan Fleksi KOPLIT pada Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) kali ke-33 yang lepas. Anggota KOPLIT boleh membuat penyimpanan untuk ibadah korban secara ansuran dan juga membuat simpanan peribadi sebagai tambahan kepada simpanan sedia ada. Usaha ini menggalakkan anggota untuk membuat simpanan yang lebih fleksibel mengikut keperluan dan kemampuan mereka pada bila-bila masa. Hanya imbas kod QR dan kongsi bukti pembayaran kepada staf KOPLIT.





HEBAHAN KOPLIT

Info / Perkhidmatan KOPLIT

Hubungi Kami:
019 220 6244 (Hotline)

Agensi Takaful dan Perbaharui Cukai Jalan

Stokis Negeri Produk HABBAT / HABBAT PLUS / Krim Nisstex

Perkhidmatan Latihan dan Pembangunan Diri, Keluarga dan Usahawan

Pembiayaan dan Perkhidmatan Kewangan, Kenderaan dan Produk

Imbas kod QR untuk info



KEANGGOTAAN KOPLIT

Pertambahan keanggotaan sehingga April 2026 adalah sebanyak 4 orang

SUMBANGAN KEBAJIKAN

Sebanyak **RM 13,400.00** (tiga belas ribu, empat ratus ringgit) telah diperuntukkan kepada sumbangan kebajikan anggota dari Januari-April 2026:

KOD SUMBANGAN	JENIS SUMBANGAN	BIL	JUMLAH (RM)
BKP 10	HARI LAHIR	38	1,900
BKP 03	BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN	36	7,500
BKP 07	GRADUASI IPT	4	1,200
BKP 09	KELAHIRAN ANAK	3	600
BKP 02	KEMASUKAN KE WAD	2	800
BKP 08	SUMBANGAN PERKAHWINAN	2	1,000
BKP 05	CEMERLANG AKADEMIK (SPM)	1	200
BKP 06	KEMASUKAN KE IPT	1	200
JUMLAH		87	13,400

Info / Perkhidmatan KOPLIT

PROGRAM KORBAN BERSAMA HALUAN PUTRAJAYA



**Raya dah dekat ni...
Dah daftar Korban ke?**

Jam laksanakan **IBADAH KORBAN** bersama HALUAN Putrajaya. Sebahagian daripada Daging Korban akan diagihkan kepada peserta & penerima, manakala selebihnya pula akan dibuat **KENDURI Bersama**.

LEMBU
RM895 / bahagian
*termasuk pengurusan
5 ekor sahaja

**REBUTLAH PELUANG!
SETAHUN... HANYA SEKALI**

"Maka berdoalah kerana Tuhanmu, dan jadikanlah Korban (sebagai ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah)."

Tarikh pelaksanaan
Sabtu, 30 Mei 2026

*Ahi & Keluarga HALUAN Putrajaya dijemput hadir (tempat akan dimaklumkan)

+60 17-292 4221 (Dr. Ali Zainal Abidin) / +6013-435 2486 (Dr. Saiful Islam)

TAZKIRAH

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كَتَبْنَا مُوَدَّتَهَا
وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ
الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا وَسَنَجْزِي الشَّاكِرِينَ

[Surah Ali-Imran: 145]

Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barang siapa menghendaki pahala dunia, niscaya Kami berikan kepadanya pahala (dunia) itu, dan barang siapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala (akhirat) itu, dan Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

DUYUFURRAHMAN

Tahniah, selamat mengerjakan haji bagi anggota KOPLIT:-

- Zainal Abidin bin Ahmad
- Rohani binti Mat Juri
- Ustaz Nur Muhammad bin Mohd Jamil
- Ustazah Dr Amirah binti Ahmad Zain
- Dr Suhaida binti Abdul Kadir
- Hamed bin Sheikh Abdullah
- Dr Wan Anita binti Wan Abas
- Syed Saifuddin Al Ayubi bin Syed Alwi
- Sharifah Zubaidah binti Syed Hassan
- Zaliha binti Muhamad

IKLAN KOPLIT

Rumah townhouse KOPLIT (tingkat bawah) ada kekosongan dan boleh diduduki selepas kerja-kerja baikpulih dijalankan. Anggota yang berminat, sila hubungi hotline KOPLIT untuk maklumat lanjut.

Alamat rumah:
Lot 5099-A, Jalan Utama Kg Sungai Merab Tengah, 43000 Kajang, Selangor.
3 Bilik & 2 Bilik Air
Keluasan: 20' x 40' kaki persegi